



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

PANDANGAN FATWA MENGENAI PENGESAHAN HUKUM PROJEK I-RUKHSAH

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah mendengar pembentangan cadangan Projek Inovasi mengenai Projek I-RUKHSAH oleh kumpulan penyelidik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut:

1. Tayamum adalah suatu rukhsah (keringanan) yang ditetapkan oleh syarak kepada **umat Islam** dalam melaksanakan ibadah ketika dalam keuzuran. Tayamum adalah ganti kepada wuduk atau mandi hadas besar sebagai kaedah mengharuskan bagi menyempurnakan perkara fardhu seperti solat dan tawaf.
2. **Langkah Pertama: Sebelum Mendirikan Solat.**
 - 2.1 Syarat asal untuk sah solat adalah dengan berwudhuk. Jika terhalang daripada berwudhuk disebabkan faktor darurat, maka Syarak mengharuskan wudhuk diganti dengan tayamum.
 - 2.2 Dalam melaksanakan tayamum dengan sempurna, debu hendaklah disapu secara langsung ke atas anggota tayamum. Oleh itu, bertayamum diatas Peralatan Pelindungan Diri (PPE) sahaja tidak menepati kaedah tayamum menurut hukum Syarak.
 - 2.3 Mengqiyaskan kaedah tayamum dengan "خف" sebagai rukhsah kepada petugas ketika memakai PPE seperti yang dicadangkan oleh pembentang adalah tidak menepati aplikasi qiyas daripada beberapa sudut iaitu:

- a) Sapuan atas "خف" adalah rukhsah kepada "مشقة" basuhan kaki ketika berwudhuk.
- b) Tayamum adalah "بدل" (ganti) kepada wudhuk dan bukan "بدل" (ganti) kepada "خف".
- c) Pandangan supaya menggantikan kaedah tayamum dengan sapuan debu di atas PPE adalah bercanggah dengan pendapat ulama' (القياس مع الفارق)

2.4 Oleh yang demikian, Jawatankuasa mencadangkan supaya petugas perlu berwudhuk sebelum memakai PPE.

3. Langkah Kedua: Kaedah Mendirikan Solat.

- i. Solat adalah kewajiban ke atas setiap orang Islam yang *mukallaf*. Dalam apa jua keadaan, solat hendaklah ditunaikan.
- ii. Dalam isu yang dikemukakan, petugas barisan hadapan perlu memakai PPE dalam tempoh 5 hingga 10 jam. Dalam tempoh yang panjang ini, kebiasaannya petugas akan menempuh sekurang-kurangnya dua waktu solat fardhu.
- iii. Oleh itu, Jawatankuasa berpandangan supaya petugas hendaklah mendirikan solat secara *jamak tamam* sama ada *taqdim* atau *ta'khir*.
- iv. Sekiranya petugas terbatal wudhuk dalam keadaan memakai PPE, mereka diharuskan untuk melaksanakan solat "حرمة الوقت" (hormat waktu) dan mereka termasuk dalam kategori "فاقد الطهورين" (tanpa dua kaedah bersuci iaitu berwudhuk dan tayamum). Pandangan ini selaras dengan dalil-dalil berikut:

Firman Allah ﷻ:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ¹

Maksudnya: Allah ﷻ mengkehendaki kamu beroleh kemudahan dan dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا²

¹ البقرة : 185.

² البقرة : 286.

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

Sabda Nabi ﷺ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: "مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاجْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ."³

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah Abdul Rahman bin Sakhr رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ berkata bahawa aku mendengar suatu ketika Rasulullah ﷺ bersabda: "Apa yang aku larang untuk kalian, maka tinggalkanlah, dan apa yang aku perintahkan kepada kalian maka laksanakanlah sesuai dengan kemampuan kalian. Sesungguhnya yang membinasakan orang-orang sebelum kalian adalah kerana banyaknya pertanyaan dan perselisihan terhadap para nabi mereka.

- v. Menurut pandangan "أصح" dalam Mazhab as-Syafie ρ, setelah keluar daripada situasi darurat / *musyaqqah*, petugas wajib mengqada' solat yang didirikan ketika "فاقد الطهورين". Manakala pandangan "مقابل الأصح" pula tidak wajib diqada' solat berkenaan. Namun begitu, para petugas dinasihatkan supaya mengqada' solat pada bila-bila masa selepas itu kerana mengambil pendapat yang "احتياط" (paling berjaga-jaga) dan meraikan pandangan yang ia wajib diqada' berdasarkan kaedah "الخروج من الخلاف مستحب" (keluar daripada perkara khilaf adalah lebih baik).
4. Jawatankuasa Fatwa turut mengesyorkan kepada kumpulan penyelidik agar dapat mengemukakan cadangan supaya jadual waktu petugas yang terpaksa memakai PPE disusun mengikut kesesuaian yang lebih mesra ibadah dalam melaksanakan solat secara jamak (taqdim atau ta'khir).

TARIKH KEPUTUSAN : 17 OKTOBER 2021